

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JUMAAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 27 MEI 2015

RUJUKAN : 7907

SOALAN:

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan hasil tindakan terhadap penyokong SSKM dan tindakan polis untuk menangkap Dorris John melalui Interpol.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 4 laporan telah diterima oleh pihak polis berhubung dengan gerakan untuk memisahkan Sabah dan Sarawak keluar dari Malaysia (SSKM). Sehubungan itu, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci kerana kes tersebut masih lagi di dalam siasatan polis.